



25 Mac 2019

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi Far East Deluxe Sdn Bhd.

Far East Deluxe Sdn Bhd telah melantik Trans Certification International Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Far East Deluxe Sdn Bhd. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 ladang yang diuruskan oleh Far East Deluxe Sdn Bhd.

Trans Certification International Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi Far East Deluxe Sdn Bhd pada 23 hingga 24 April 2019. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder'. Salinan Standard MSPO 2530-3-2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jasm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.



Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
Far East Deluxe Sdn Bhd	A6, Jalan Besar, 28380 Kemayan, Bera, Pahang Darul Makmur	142.6037 Ha	3°12'51.83°N 102°41'42.80°E

Trans Certification International Sdn Bhd adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TCI adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TCI telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TCI telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification International Sdn Bhd yang akan melaksanakan audit penilaian di Far East Deluxe Sdn Bhd terdiri daripada:

- i) **En. Mohd Rizal Kassim** sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) **En. Abdul Hakim** sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) **Cik Aini Nazurah** sebagai Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.



Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 23 April 2019
Masa : 10.00am-12.00pm
Lokasi : A6, Jalan Besar, 28380 Kemayan, Bera, Pahang Darul Makmur

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk bertemu bersama Juruaudit semasa Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.



TRANS CERTIFICATION INTERNATIONAL SDN. BHD.
No. B52, TINGKAT 1, JALAN IM3/10, BANDAR INDERA MAHKOTA, 25200 KUANTAN, PAHANG
014-5006386 / 013-3134719
info@transcert.com.my

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Penyelaras Skim

Norsyahidah Manaf
Trans Certification International Sdn Bhd
No. B52, Tingkat 1,
Jalan IM3/10, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang.
Tel: +609-5751333
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,

Norsyahidah Manaf

Penyelaras Skim

Trans Certification International Sdn Bhd